

PM mahu swasta

UM 3 1 MAY 2002

PUTRAJAYA 30 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mahu sektor swasta mengambil alih semula peranan menggerakkan ekonomi negara dari sektor awam, yang telah menjadi penggerak utama ekonomi sewaktu negara dilanda krisis kewangan.

Perdana Menteri berkata, beliau mendapati sektor swasta tidak begitu dinamik sejak kebelakangan ini dan ia dapat dilihat dengan paras pelaburan sektor itu yang merosot dengan ketara.

Menurutnya, pelaburan swasta telah berkurangan sebanyak 39 peratus pada tahun lalu berbanding paras pelaburan sektor itu pada tahun 1997.

“Jika trend pelaburan itu berterusan, potensi pertumbuhan ekonomi dalam jangka sederhana dan panjang akan terjejas,” katanya ketika berucap pada sesi pertama majlis dialog Belanjawan 2003 dengan sektor swasta di sini hari ini.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, sewaktu krisis kewangan lalu, pertumbuhan ekonomi negara banyak didorong oleh sektor awam terutama melalui langkah rangsangan fiskal.

“Langkah ini telah mengakibatkan kewangan kerajaan Persekutuan mengalami defisit tetapi ia masih mampu dibiayai,” jelasnya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri menegaskan, negara tidak boleh terlalu bergantung kepada kerajaan untuk mencergaskan kegiatan ekonominya.

Katanya, sektor swasta perlu memainkan semula peranannya dengan membina semula kepercayaan dan keyakinan bagi meningkatkan daya saing, kecekapan, kreativiti dan produktiviti mereka.

Beliau berkata, mereka juga perlu bersedia menghadapi cabaran dan risiko ketidakpastian berikutan pemulihan ekonomi dunia yang masih belum meyakinkan.

jadi penggerak ekonomi

“Kita perlu mempelbagaikan punca pertumbuhan ekonomi dan mengurangkan risiko pergantungan berlebihan kepada beberapa barangan sahaja.

“Usaha perlu dipergiatkan untuk memperluaskan asas perindustrian negara dan memberi tumpuan kepada pembangunan sektor pertanian dan perkhidmatan termasuk bidang pelancongan, pendidikan, kesihatan, kewangan dan pengangkutan,” katanya.

Justeru itu, tegas Perdana Menteri, strategi Belanjawan 2003 akan memberikan tumpuan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan peranan sektor swasta selaras dengan tema ‘Memupuk Sektor Swasta yang Dinamik dan Berdaya Tahan’.

Dr. Mahathir berkata, sebagai sebuah ekonomi terbuka, Malaysia terdedah kepada perkembangan ekonomi dunia termasuk kesan kejatuhannya.

Bagaimanapun, katanya, pada tahun le-

pas, negara masih berjaya mencatatkan pertumbuhan ekonomi sebanyak 0.4 peratus.

Bagi suku pertama tahun ini, pertumbuhan ekonomi negara telah berkembang sebanyak 1.1 peratus berbanding kemerosotan sebanyak 0.9 peratus pada suku ketiga dan 0.5 peratus pada suku keempat tahun lalu.

Perdana Menteri berkata, pertumbuhan semula itu didorong oleh kecergasan yang berterusan dalam aktiviti sektor perkhidmatan dan pembinaan serta peningkatan perbelanjaan dalam negeri.

“Pencapaian ini adalah hasil daripada keberkesanan pelaksanaan dasar dan strategi kerajaan untuk bertindak segera dengan cara kita sendiri bagi menangani perubahan persekitaran luar yang tidak menentu,” tegasnya.

Di samping itu, katanya, pencapaian itu turut disokong oleh asas-asas ekonomi yang semakin mantap.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, rizab antarabangsa pada pertengahan Mei tahun ini meningkat kepada RM124.5 bilion yang mampu membiayai 5.5 bulan import tertangguh.

Katanya, Malaysia juga turut mencatatkan lebih perdagangan selama 53 bulan berturut-turut sejak November 1997.

“Tabungan negara yang tinggi membolehkan kita memenuhi keperluan pembiayaan pembangunan negara tanpa bergantung kepada sumber kewangan luar,” katanya.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, iklim pelaburan negara yang semakin baik telah berjaya menarik pelabur asing walaupun kadar cukai korporat negara lebih tinggi berbanding dengan sesetengah negara jiran.

“Rejim pencucuaian yang rendah tidak semestinya akan menjamin sesebuah negara itu dapat menarik lebih banyak pelaburan asing seperti yang berlaku di beberapa negara lain, termasuk Hong Kong,” jelasnya.